

Yahya: MAFI sedia bekerjasama dengan UMS jayakan kajian pertanian

NST 27.10.2016 4

KOTA KINABALU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan jabatan serta agensi di bawah kementerian itu sedia bekerjasama dengan para penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menjayakan kajian sektor pertanian di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Yahya Hussin yakin kerjasama dengan para pensyarah Fakulti Pertanian Lestari UMS yang terdiri daripada pakar-pakar pertanian mampu menghasilkan idea-idea yang kreatif dan inovatif.

"Saya percaya, para pensyarah Fakulti Pertanian Lestari UMS mampu menghasilkan idea-idea kreatif bagi menentukan kaedah pertanian lestari dan paling sesuai bagi penanaman pelbagai jenis tanaman untuk dieksport ke luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Serantau Pertanian Lestari sempena Sambutan Perayaan 10 Tahun Penubuhan Fakulti Pertanian Lestari UMS kampus Sandakan, di Sandakan, kelmarin.

Yahya yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan berkata perubahan iklim boleh menyebabkan kejadian banjir atau kemarau yang luar biasa memerlukan kaedah penyelesaian secara kreativiti dan inovasi terhadap ilmu, teknologi, polisi dan pengurusan pertanian sedia ada.

"Iklim dunia yang sentiasa berubah memerlukan pengurusan sumber tanah dan air yang efektif. Dalam hal ini, sistem pemuliharaan kesuburan tanah pertanian dan sumber air pengairan memainkan peranan besar bagi menghasilkan pengeluaran makanan yang mampan.

"Mengikut sumber Food and Agriculture Organization (FAO), lebih daripada 40 peratus daripada peningkatan pengeluaran makanan datang dari kawasan yang disediakan dengan sistem pengairan dan saliran.

"Oleh itu semua pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang agronomi, penjenteraan pertanian, sistem pengairan, akuakultur dan ternakan haiwan perlu bekerjasama dalam memodenkan sektor pertanian negara," katanya.

Beliau turut menyeru para ilmuwan untuk berkongsi ilmu dengan para petani, penternak dan nelayan di negeri ini untuk mempraktikkan kaedah-kaedah baharu yang lestari dalam meningkatkan lagi hasil pertanian, sekaligus memberikan pulangan tinggi kepada negeri dan negara.

"Saya yakin, sekiranya para pengeluar dan pengusaha ladang mempraktikkan amalan agronomi yang bersesuaian, hasil pengeluaran tanaman pastinya akan meningkat," katanya.

Yahya berkata tema persidangan "Kemakmuran Melalui Pertanian Lestari" sejajar dengan misi kementerian untuk mentransformasikan sektor pertanian menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetitif.

"Kita bersyukur kerana Malaysia masih mampu mengeluarkan makanan mencukupi. Namun sekiranya program pembangunan sektor pertanian khususnya pengeluaran makanan tidak diberikan perhatian, Malaysia juga boleh menjadi seperti negara-negara di Afrika atau di Asia Selatan yang kekurangan makanan," katanya.

Turut hadir Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd. Harun Abdullah, Dekan Fakulti Pertanian Lestari, Profesor Dr. Wan Mohamad Wan Othman dan Pengerusi Penganjur Persidangan ReCSA 2016, Profesor Ir Dr. Mohd. Amin Mohd Soom.